

Bismillahirrohmanirrahim

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu ‘Ala Asyrafil Anbiya’ Iwalmursalin, Saidina Muhamadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa’ala Alihi Washohbihi Ajmain.

Assalamualaikum Warahmatulla Hi Taala Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Anggota-anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya mohon izin untuk membawa usul seperti berikut:

Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2020 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.

Kedua:

Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai "Kertas Dewan Bilangan 29 Palang 2019", adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak Empat Ratus Tiga Puluh Juta Ringgit (RM430,000,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2020. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu, adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan."

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

## **PENDAHULUAN**

1. Kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, Tuhan pemilik kerajaan sekalian alam, di atas rahmat dan kesejahteraan yang dilimpahkan ke atas Negeri Perak Darul Ridzuan.
  
2. Mewakili seluruh Ahli Dewan, patik merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah bersempena sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah ke-63, pada awal November. Patik sekalian merafakkan doa semoga Allah SWT sentiasa merahmati Duli Tuanku dengan kesejahteraan dan kebijaksanaan untuk terus memayungi sekalian rakyat jelata dan negeri yang

tercinta ini, di atas kemuliaan takhta pemerintahan negeri berdaulat. Dirgahayu Tuanku.

3. Patik sekalian menzahirkan kesyukuran kerana negeri bertuah ini dirahmati dengan pemerintah yang bijaksana dan amat prihatin terhadap perihal pentadbiran negeri dan kesejahteraan rakyat jelata. Mewakili seluruh Ahli Dewan yang mulia ini, patik menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah nasihat penuh hikmah dan bijaksana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dalam merencana pembangunan dan perihal pentadbiran Negeri Perak Darul Ridzuan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

4. Alhamdulillah, kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana Negeri Perak yang kita cintai ini terus dirahmati dengan nikmat keamanan, kemakmuran dan terpelihara daripada sebarang bencana alam yang besar. Dengan ini, kita diberikan daya dan kemudahan untuk melaksanakan segala perancangan Belanjawan 2019 dengan iltizam untuk mengembalikan kegemilangan Negeri Perak.
5. Syukur di atas nikmat kesihatan yang membolehkan kita semua dapat berkumpul di dalam dewan yang mulia pada hari yang penuh barokah ini untuk mengambil bahagian dalam Persidangan Mesyuarat Ketiga, Tahun Kedua, Dewan Negeri Yang ke-14. In shaa Allah, pada sidang ini, saya akan melunaskan amanah membentangkan cadangan Belanjawan Negeri Perak untuk tahun 2020.

6. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada atlet terjun wanita Negara kelahiran Perak, Leong Mun Yee yang akan mengibarkan cabaran Malaysia di pentas temasya Olimpik buat kali kelima berturut-turut di Tokyo 2020.
7. Kita juga berbangga dengan kejayaan atlet muay Thai kelahiran Perak, Mohamad Rifdean Masdor dan Nur Amisha Azrilrizal yang menjuarai kejohanan Muay Thai Remaja Dunia di Antalya, Turki. Sekalung tahniah kepada pasukan sepak takraw Perak Bison atas kejayaan menjuarai saingan Liga Premier Sepak Takraw 2019 baru-baru ini. Semoga kejayaan mereka akan menjadi pendorong kepada atlet-atlet Negeri Perak yang lain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

8. Belanjawan Negeri Perak 2020 ini adalah kesinambungan kepada agenda memacu harapan rakyat melalui Belanjawan Negeri Perak 2019 yang menjadi asas kepada iltizam mengembalikan kegemilangan negeri tercinta ini.
9. Alhamdulillah, berikut adalah pencapaian Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2019.

## **Ekonomi**

- i. Mencapai jumlah pelaburan RM1.72 bilion untuk enam bulan pertama;

- ii. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri pada kadar 5.3%, lebih tinggi berbanding paras nasional, 4.7%;
- iii. Mewujudkan 1,500 pekerjaan baru dengan kemasukan Global Business Services di Bandaraya Ipoh;
- iv. Menurunkan kadar pengangguran kepada 3.3%;
- v. Menyiapkan 80% projek sambungan paip gas asli dari Ayer Tawar ke Lembah Kinta yang dijangka siap 2020;
- vi. Menganjurkan Expo Antarabangsa Perak dan E-Sport Professional Industry Conference (EPIC);
- vii. Menubuhkan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (SUPER).

### **Kebajikan dan sosial**

- viii. Memperkenalkan Kad Perak Prihatin, bantuan berupa makanan dan perkhidmatan perubatan melibatkan 17,000 isi rumah;
- ix. Mengagihkan 72,000 Kotak Harapan;
- x. Memberikan air percuma kepada hampir 15,000 keluarga melibatkan RM12.8 juta dan air percuma kepada masjid, surau dan rumah ibadat;
- xi. Melaksanakan *Community Feeding Programme* untuk kanak-kanak Orang Asli;
- xii. Mendayaupayakan masyarakat Orang Asli melalui 20 kampung angkat Orang Asli oleh GLC Negeri dan Badan Korporat;
- xiii. Memberi Bantuan Bencana RM500 ribu berupa Kit Peribadi di pusat bantuan bencana; dan
- xiv. Mengagihkan RM1.5 juta kepada 41 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan RM1 juta kepada 43 Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

## **Perumahan dan Hakmilikan Tanah**

- xv. Menambahbaik Dasar Perumahan Negeri Perak;
- xvi. Menyiapkan hampir 7,000 unit rumah Perakku dan lebih 11,000 unit masih dalam pembinaan;
- xvii. Memberi hakmilik tanah kepada lebih 9,000 peserta FELDA, lebih 55,000 peserta RPT dan hampir 13,000 penduduk Kampung Baru;
- xviii. Melaksanakan projek infrastruktur untuk 12 Rancangan Perkampungan Tersusun yang memanfaatkan lebih 2,700 keluarga;
- xix. Meningkatkan tanah Rizab Melayu kepada keseluruhan 953,023 hektar;
- xx. Meluaskan kawasan rayau Orang Asli kepada 20,000 hektar menjadikan Perak negeri dengan kawasan rizab Orang Asli tertinggi di Semenanjung Malaysia; dan
- xxi. Menyelesaikan kemelut pembangunan tanah Stesyen Keretapi Ipoh yang berlarutan selama puluhan tahun.

## **Pelancongan**

- xxii. Menerima pengiktirafan Bandar Taiping sebagai bandar ketiga terbaik dunia kategori Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia;
- xxiii. Menerima Anugerah Majlis Pelancongan Malaysia 2019 iaitu:
  - Best Eco Tourism Destination Award kepada Majlis Perbandaran Taiping; serta
  - Best Tourism Promotion Campaign Award and Best Eco Sustainable Tourism Destination Award kepada Tourism Perak.

- xxiv. Memperkenalkan bas Hop On Hop Off (HOHO) meliputi Ipoh, Gopeng dan Kampar.

**Pendidikan:**

- xxv. Mengagihkan bantuan perkapita kepada Maahad Tahfiz dan Pondok Swasta berdaftar, SJK (C), SJK (T), SMJK, Mubaligh dan SUWA serta Murid Berkeperluan Khas;
- xxvi. Menyediakan peruntukan khas Pendidikan Kaum India RM1.0 juta,
- xxvii. Menyediakan peruntukan bagi Pendidikan Orang Asli RM500 ribu;
- xxviii. Mengagihkan Biasiswa Menteri Besar kepada 1,927 pelajar dan Dermasiswa Harapan kepada 8,807 pelajar,
- xxix. Menyalurkan Pinjaman Pendidikan Negeri untuk 500 orang peminjam baru;
- xxx. Menyediakan peruntukan Bantuan Kecemasan dan Sara Hidup Mahasiswa 1,417 orang pelajar; dan
- xxxi. Memberikan dana TASPEN untuk 2,522 anak kelahiran Perak.

**Tadbir urus**

- xxxii. Menutup Penyata Kewangan Negeri dengan catatan lebihan RM50.11 juta pada tahun 2018;
- xxxiii. Mengurangkan defisit di dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri;
- xxxiv. Mewajibkan pengisytiharan harta bagi semua ADUN;
- xxxv. Mengaplikasikan penggunaan sistem e-Tanah bagi mentransformasikan sistem pengurusan tanah negeri dan mengurangkan birokrasi;

- xxxvi. Meningkatkan pendaftaran hakmilik dari 30 ribu kepada lebih 60 ribu hakmilik melalui tadbir urus yang baik;
- xxxvii. Menambahbaik sistem Kehakiman Syariah dengan mewujudkan Mahkamah Utama untuk proses rayuan;
- xxxviii. Menyediakan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah;
- xxxix. Memberi Bantuan Khas Kewangan pada kadar sebulan gaji dan minimum RM2,000 kepada penjawat awam;
- xl. Menubuhkan jawatankuasa khas seperti Jawatankuasa Khas Pengurusan Setinggan, Jawatankuasa Khas Pertumbuhan Ekonomi Sepanjang Jajaran WCE, Jawatankuasa Khas Isu Pencemaran Sumber Air Negeri Perak dan Mewujudkan Dasar Mineral Negeri;
- xli. Mengurangkan komitmen kewangan Negeri untuk Pasukan Bolasepak Perak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

- 10. Alhamdulillah, kita amat-amat bersyukur di atas pencapaian-pencapaian yang disebutkan tadi. Marilah kita semua sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, bersatu hati di atas satu iltizam demi rakyat kerana Allah dan kurangkan berpolitik, in shaa Allah negeri Perak Darul Ridzuan yang kita kasihi ini berupaya melakar lebih banyak pencapaian dalam tahun-tahun mendatang.
- 11. Ini bertepatan dengan ajaran Islam dan gagasan Rahmatan Lil Alamin, yang menekankan kepada ikhtiar membawa rahmat kepada negara dan rakyat jelata. Untuk itu, saya ingin mengajak

kita semua untuk merenung firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa Ayat 59 yang membawa maksud;

*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*

12. Justeru, saya dengan rendah hati menyeru kepada sekalian Ahli Dewan yang saya kasihi, ketepikan perbedaan, tumpukan kepada titik persamaan kita untuk bersatu niat dan iltizam, bahu membahu, sama berkayuh ke arah memakmurkan negeri dan memperkasa daya tahan tanah bertuah ini untuk menempuh tahun 2020 yang ternyata lebih banyak pancaroba dan rintangan.

*Hajat di hati sehidup semati,  
Demi cinta ku bina bahtera,  
Bersama kita Bersatu hati,  
Perak kan maju rakyat sejahtera.*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

13. Lanjutan daripada pengumuman Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC) di dalam Ucapan Belanjawan 2019 Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak sedang menggiatkan usaha bagi memastikan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai dapat beroperasi mulai 1 Januari 2020. Peruntukan RM9.1 juta

telah dibelanjakan untuk menaiktaraf jeti penumpang, jeti kargo, menaik taraf gerai di Dataran Kurma dan pelbagai projek naik taraf laluan pejalan kaki serta pengindahan Teluk Baru. Manakala Kerajaan Persekutuan pula membiayai penyediaan Pelan Strategik Pelaksanaan Pulau Bebas Cukai Pangkor dan menaik taraf jalan, pencahayaan serta pembinaan dataran perniagaan di Pasir Bogak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

14. Dalam tempoh setahun pertama kerajaan Pakatan Harapan ditubuhkan, pentadbiran ini telah memberikan fokus kepada mengenalpasti dan mencari kaedah untuk menambahbaik sistem pentadbiran negeri. Pentadbiran ini juga telah mengkaji semula perjanjian-perjanjian yang melibatkan beberapa syarikat berkaitan Kerajaan Negeri oleh pengurusan terdahulu, yang didapati berat sebelah dan merugikan Kerajaan Negeri.
15. Susulan itu, langkah-langkah pemulihan sedang dilaksanakan bagi memperkasa operasi dan pengurusan kewangan GLC-GLC negeri supaya lebih kompetitif.
16. Menjangkau usia 18 bulan pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Perak, sebagai insan yang tidak sempurna dari segala segi dan sisi, kami dengan rendah diri memohon setulus kemaafan di atas segala ikrar yang masih belum terjadi, pada janji yang belum berjaya direalisasi.

## **RANCANGAN MALAYSIA LIMA TAHUN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

17. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RM2.1 bilion bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang bertujuan merangsangkan pertumbuhan ekonomi negeri sehingga tahun 2020. Secara keseluruhannya, pelan lima tahun ini melibatkan 800 buah projek dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2020.
18. Bagi meneruskan kesinambungan program dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Negeri sedang merangka hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan memberi penekanan strategi secara menyeluruh dan dinamik, dalam memacu kemajuan negeri. Pentadbiran ini memberi penekanan kepada meningkatkan Indeks Kebahagian Rakyat, bukan sekadar mengejar angka-angka ekonomi semata-mata. Justeru, sesi perbincangan dan penyelarasian dari segenap pihak yang berkepentingan sedang dirancang dan dimurnikan.

## **PELABURAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

19. Kerajaan Negeri sentiasa meneroka ruang baru untuk menggalakkan pelaburan ke Negeri ini, sekaligus meningkatkan peluang kepada industri hiliran dan mewujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan kepada rakyat jelata. Alhamdulillah, kadar pengangguran telah menurun kepada 3.3%, tetapi kita akui usaha lebih agresif perlu digerakkan bagi menarik pelaburan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Negeri Perak. Ini juga bagi mengurangkan aliran keluar modal insan ke negeri-negeri lain.

20. Jumlah pelaburan enam bulan pertama tahun 2019 yang diluluskan adalah sebanyak RM1.72 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM772 juta adalah pelaburan domestik manakala RM951 juta pelaburan asing.
21. Sekali lagi sukacita saya tekankan, Negeri Perak telah memasuki dimensi baru dalam sektor perkhidmatan dengan pelaburan berjumlah RM486 juta oleh lima pemain utama Global Business Services (GBS) yang sekaligus mewujudkan 1,500 peluang pekerjaan baru, termasuk pekerjaan berpendapatan tinggi. Usaha akan diteruskan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk terus mempromosikan Bandaraya Ipoh sebagai pusat pertumbuhan baru GBS untuk wilayah utara.
22. Pencapaian pelaburan yang dicatatkan ini menunjukkan keyakinan para pelabur sedia ada untuk mengembangkan perniagaan masing-masing. Justeru, Kerajaan Negeri komited dengan agenda mewujudkan suasana mesra pelabur bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini. Penganjuran Ekspos Antarabangsa Perak 2019 yang sedang berlangsung adalah antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Perak sebagai destinasi pilihan pelaburan dan perdagangan.

23. Kerajaan Negeri juga sedang giat memperkemaskan kajian semula *Perak Industrial Development Action Plan* (PIDAP 2.0) yang akan menjadi rujukan dalam memacu halatuju pelaburan dan pembangunan sektor perindustrian di Negeri Perak untuk tempoh 10 tahun yang akan datang (2021 sehingga 2030). PIDAP 2.0 ini bakal menyediakan kerangka utama yang akan membantu Kerajaan Negeri untuk merancang strategi dan inisiatif baru bagi menarik pelabur. Disamping itu, pelan ini juga akan mengenalpasti bentuk-bentuk pelaburan yang memberi kelebihan kepada Negeri Perak.

## **BELANJAWAN PERSEKUTUAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

24. Mewakili pentadbiran ini dan seluruh rakyat Negeri Perak, saya menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pentadbiran Kerajaan Persekutuan atas kelulusan projek-projek Persekutuan yang akan dilaksanakan di Negeri Perak pada tahun 2020 berjumlah RM2.30 bilion merangkumi 312 buah projek. Ini termasuk pelaksanaan empat buah projek khusus yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019 yang lalu.

25. Empat buah projek tersebut adalah:
- i. Pembinaan Hospital Kampar;
  - ii. Menaik taraf serta memanjangkan landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah;
  - iii. Membina Pusat Rehabilitasi PERKESO berteknologi robotik dengan kos sebanyak RM500 juta; serta
  - iv. Menubuhkan Perpustakaan Digital Negeri Perak.
26. Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak menyokong penuh Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang bermatlamat menstrukturkan ekonomi Malaysia. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk memberi penumpuan kepada sektor ekopelancongan dan pelancongan warisan, industri kreatif, perikanan dan penternakan berteknologi tinggi dan industri desa. Ini adalah bertepatan dengan visi menjadikan negeri ini sebagai antara penyumbang utama kepada kedaulatan makanan negara.
27. Pada masa yang sama, pentadbiran Kerajaan Negeri juga akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk menilai potensi-potensi tambahan Negeri Perak, contohnya sebagai pusat pertumbuhan sektor automotif dan industri hiliran automotif.

## **BELANJAWAN PERAK 2020**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

28. Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada persidangan Dewan Negeri kali ini merupakan belanjawan terakhir bagi tempoh

RMKe-11 dan yang kedua di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Perak.

29. Bagi tahun 2020, ekonomi negeri diunjurkan terus berkembang pada kadar 5% setahun. Pertumbuhan ekonomi negeri ini dijangka kekal dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian.
30. Mengambil kira pelbagai cabaran luaran seperti perang dagang di antara negara-negara kuasa besar dunia dan fasa pemulihan ekonomi global, Belanjawan Tahun 2020 Negeri Perak direncanakan bagi merangsang ekonomi bagi mendepani segala kebarangkalian dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Pada masa yang sama, usaha melaksanakan keadilan sosial terus dipertingkatkan . Beberapa inisiatif ditambahbaik dan inisiatif baru turut diperkenalkan bagi memperbaiki jaringan keselamatan sosial.
31. Pentadbiran Kerajaan Negeri juga akan meneruskan prinsip perbelanjaan berhemah dan menambahbaik usaha mengoptimumkan impak setiap wang yang dibelanjakan, di samping mengekang ketirisan.

## TEMA BELANJAWAN 2020

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

32. Di bawah tema **PERAK NEGERI BERDAYA TAHAN, MAMPAK DAN INKLUSIF**, empat fokus telah ditetapkan bagi memastikan segala perancangan dapat terlaksana ke arah mencapai satu

matlamat yang sama dan bersepada bagi memenuhi aspirasi dan harapan rakyat.

33. Alhamdulillah, laporan DHL Global Connectedness Index (GCI) yang dikeluarkan pada Mac 2019 mengiktiraf Malaysia sebagai negara hubungan dagangan kedua tertinggi di Asia Tenggara dan tempat ke-12 daripada 169 negara. Bagaimanapun, kita perlu bersedia dengan sebarang ketidaktentuan luaran seperti perang dagang di antara Amerika Syarikat dan China.
34. Justeru, pentadbiran Kerajaan Negeri merencanakan Belanjawan 2020 untuk membina daya tahan ekonomi dalam mendepani cabaran dan risiko perubahan mendadak geopolitik serta risiko kelembapan ekonomi dunia.
35. Bagi memastikan ekonomi yang mampan, pentadbiran ini akan memberi fokus kepada mempelbagaikan aktiviti ekonomi dengan memberi tumpuan kepada usaha menarik pelaburan yang relevan dengan perubahan pesat ekonomi dunia. Perkembangan teknologi akibat ledakan Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital, memerlukan kita untuk sentiasa menilai dasar-dasar sedia ada supaya dapat disesuaikan dengan perubahan semasa dan akan datang.
36. Pertumbuhan ekonomi dan kepesatan pembangunan tidak akan memberi makna sekiranyakekayaan yang dijana tidak diagihkan dengan adil kepada rakyat jelata. Pentadbiran ini komited untuk memastikan semua nikmat pembangunan dan pertumbuhan

ekonomi adalah inklusif, seimbang di semua wilayah dan daerah serta melibatkan setiap lapisan masyarakat di negeri ini.

37. Untuk menzahirkan harapan rakyat seperti mana yang disebutkan di atas, pentadbiran ini telah mengenalpasti empat fokus utama untuk dilaksanakan dalam Belanjawan Negeri Perak 2020.

**Fokus Pertama** - **Menjana Pertumbuhan Ekonomi Seimbang;**

**Fokus Kedua** - **Keadilan Sosial, Kesejahteraan Rakyat serta Kelestarian Sumber dan Alam Sekitar**

**Fokus Ketiga** - **Memperkasa Pendidikan dan Modal Insan; dan**

**Fokus Keempat** - **Memperkuuhkan Tadbir Urus serta Memupuk Tanggung Jawab Bersama.**

## **ANGGARAN HASIL TAHUN 2020**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

38. Belanjawan Negeri Perak Tahun 2020 dirangka dan dicadangkan berdasarkan unjuran hasil dan terimaan pembangunan **Satu Bilion, Sembilan Puluh Lapan Juta, Dua Puluh Lima Ribu, Sembilan Ratus dan Enam Puluh Satu Ringgit (RM1,098,025,961.00)** disediakan dengan pecahan berikut:-

- **Satu Bilion, Lima Puluh Sembilan Juta, Enam Ratus Tiga Ribu, Sembilan Ratus dan Enam Puluh Satu Ringgit (RM1,059,603,961.00)** daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil; dan

- **Tiga Puluh Lapan Juta, Empat Ratus Dua Puluh Dua Ribu Ringgit (RM38,422,000.00)** daripada Terimaan Pembangunan.

## **PERBELANJAAN MENGURUS**

39. Daripada jumlah tersebut:

**RM771.25 juta (RM771,250,200)** diperuntukkan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2020. Jumlah ini terdiri daripada:  
**RM368.02 juta (RM368,018,500)** untuk Perbelanjaan Emolumen,  
**RM275.29 juta (RM275,290,500)** bagi Perkhidmatan dan Bekalan,  
**RM10.42 juta (RM10,421,300)** bagi Pembelian Aset,  
**RM110.42 juta (RM110,416,900)** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta  
**RM7.10 juta (RM7,103,000)** untuk lain-lain perbelanjaan.

## **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

40. Manakala Perbelanjaan Pembangunan pula diunjurkan **Empat Ratus Tiga Puluh Juta Ringgit (RM430,000,000)**.
41. Daripada unjuran hasil dan perbelanjaan, Belanjawan 2020 dicadangkan sebagai belanjawan defisit sekitar **RM103 juta (RM103,224,239)**. Unjuran defisit ini adalah lebih rendah berbanding defisit yang diunjurkan untuk Belanjawan 2019 berjumlah **RM109 juta (RM109,450,960)**. Namun demikian, kita yakin akan mencatatkan lebihan pada penutupan akaun 2019.

## **RIZAB DAN TUNAI NEGERI**

42. Sehingga 31 Oktober 2019, rizab dan tunai Negeri mencecah **Satu Perpuluhan Empat Dua Bilion Ringgit** (RM1,418,608,276.89) iaitu peningkatan sebanyak tiga puluh dua % (31.8%) bersamaan Tiga Ratus Empat Puluh Dua Juta Ringgit (RM341,992,926.59) berbanding rizab dan tunai pada 31 Disember 2018 yang berjumlah Satu Perpuluhan Kosong Lapan Bilion Ringgit (RM1,076,615,350.30).

## **LANGKAH MENINGKATKAN HASIL NEGERI**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

43. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran hasil, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:
- i. Melaksanakan semakan status penggunaan tanah dan tukar syarat (Premium & Cukai Tanah). Antaranya, melaksanakan semakan semula hakmilik-hakmilik PLUS kerana terdapat pembinaan gerai-gerai komersil di Hentian Sebelah yang merupakan pelanggaran kepada syarat nyata tanah tersebut;
  - ii. Memberi kemudahan bayaran ansuran cukai tanah kepada pembayar-pembayar cukai yang mempunyai tunggakan tinggi; dan
  - iii. Melaksanakan kutipan Lesen Pendudukan Sementara (T.O.L) atau Pajakan Pokok. Sebagai contoh, mengenakan caj tersebut

kepada penggunaan Padang Ragut untuk tujuan pertanian seperti di FELDA dan FELCRA.

44. Melalui pelaksanaan sistem e-tanah, hakmilik strata bagi skim pembangunan strata akan didigitalkan untuk memudahkan urusan rakyat. Selaras dengan itu, pelaksanaan cukai petak akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 bagi semua skim pembangunan strata di Negeri Perak.

## **FOKUS PERTAMA: MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI SEIMBANG**

### **INFRASTRUKTUR**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

45. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM290.5 juta** bagi **kos pembangunan infrastruktur dan operasi jabatan**.
46. **RM73.8 juta** disediakan kepada **Jabatan Kerja Raya (JKR)** bagi menampung **perbelanjaan operasi dan mengurus**. Perbelanjaan ini meliputi kos pengurusan tiga cawangan baru JKR di Daerah Kampar, Muallim dan Bagan Datuk. Dengan ini, secara rasminya pejabat JKR berada di setiap Daerah.
47. **RM80.0 juta** diperuntukkan bagi tujuan **pembangunan** yang dilaksanakan oleh JKR meliputi pembinaan jalan dan jambatan baru, memperelok jalan serta jambatan sedia ada, rawatan

kawasan kemalangan dan pencahayaan serta bangunan dan institusi Negeri.

48. Beberapa pembinaan jalan dan jambatan baru serta kerja menaik taraf jalan sedia ada yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan adalah:
  - (i) Pembinaan jalan dari Tanjung Rambutan ke laluan Persekutuan 1 dengan kos RM5.0 juta;
  - (ii) Pembinaan jalan alternatif Ayer Tawar RM5.0 juta;
  - (iii) Pembinaan jambatan baru dari Kampung Bahagia ke Bandar Teluk Intan RM5.0 juta;
  - (iv) Pelaksanaan kerja menaik taraf jalan Kuala Kangsar / Manong (A3) Daerah Kuala Kangsar (Pakej 2) RM5.0 juta; dan
  - (v) Pelaksanaan kerja memperelok Jalan Taiping / Selama (A7), Daerah Larut, Matang dan Selama (Fasa 2B) RM5.0 juta.
49. Kerajaan Persekutuan akan terus memberi agihan peruntukan dibawah Projek Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Di Bawah Peruntukan *Malaysian Road Record Information System (MARRIS)* meliputi penyelenggaraan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan. Bagi tujuan tersebut, dianggarkan **RM550.00 juta** akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut juga, Kerajaan Negeri Perak dibenarkan untuk membelanjakan **RM15.0 juta bagi tujuan menaiktaraf jalan, jambatan, parit dan longkang.**

50. Beralih kepada urusan perparitan dan saliran di bawah **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM110.4 juta sebagai kos operasi dan perbelanjaan pembangunan.
51. Memahami kepentingan menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada Jabatan, Kerajaan Negeri memperuntukkan tambahan RM4.1 juta kepada JPS bagi tahun 2020 bertujuan melaksanakan kerja menyelenggara parit dan tali air melibatkan pertambahan kepada 2,700 kilometer, menyelenggara skim saliran pertanian yang lebih luas iaitu 40 ribu hektar, menyelenggara pintu air, pertambahan jumlah kilometer penyelenggaraan sungai serta tambahan kontrak keselamatan rumah pam.
52. Kerajaan Negeri turut menyediakan **RM15.0 juta** kepada JPS bagi pelbagai projek pembangunan yang berkaitan dengan pengairan dan saliran. Daripada jumlah tersebut, RM6.8 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar, RM6.2 juta diperuntukkan bagi Rancangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sungai, RM2 juta untuk menaik taraf infrastruktur Rancangan Pengairan dan Saliran serta lain-lain perbelanjaan merangkumi pengukuran, penyiasatan, pembinaan baru dan pembalikan rumah jabatan.
53. **Projek Pembangunan Infrastruktur Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT)** merupakan projek hasil inisiatif kerajaan kini yang telah dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta. Hasil maklum balas yang amat positif, Kerajaan Negeri akan **menggandakan** peruntukan pada

tahun 2020 bagi membolehkan lebih ramai rakyat menerima manfaat daripada projek ini. **RM10.0 juta** diperuntukkan bagi penyediaan infrastruktur asas seperti kerja-kerja tanah, bekalan elektrik dan air, pembinaan jalan, longkang serta penyediaan lampu jalan di RPT-RPT terpilih.

54. Bagi **insentif kemudahan pengangkutan awam** Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM1.8 juta**. Kerajaan Negeri juga akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan sebahagian daripada dana RM450 juta bagi memperkenalkan perkhidmatan bas elektrik di bandar-bandar Negeri ini.
55. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan-peruntukan berikut:
  - a. **RM10.0 juta** bagi tujuan **pengambilan balik tanah** projek-projek awam;
  - b. **RM0.7 juta** untuk **pengurusan tapak repositori Mukim Blanja**;
  - c. **RM3.8 juta** bagi **perkhidmatan bandar, kemudahan awam dan komersil**.
56. Pada tahun hadapan, Lembaga Air Perak akan meneruskan perlaksanaan projek-projek membaikpulih, menaiktaraf dan membina infrastruktur bekalan air bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bekalan air di Negeri ini melalui peruntukan RM123.5 juta untuk projek-projek berikut:
  - a. Projek-projek pemasangan paip utama dengan kos RM95 juta;

- b. Pembinaan dua buah loji rawatan air di Anak Kurau dan Sungai Kampar;
  - c. Menaik taraf Loji Rawatan Air Bruas dan baik pulih Loji Rawatan Air Bukit Temoh; dan
  - d. Membina tangki dan kolam takungan air di Teluk Kepayang, Bemban, Kampar, Kamunting, Lekir dan Gopeng.
57. Bagi menurunkan tahap air tidak berhasil (NRW) daripada 29% kepada 28.5%, RM25 juta telah diperuntukkan. Selain daripada itu, LAP juga memperuntukkan RM12.6 juta bagi melaksanakan kerja-kerja mengawal dan mengurangkan tahap air tidak berhasil.

## **SEKTOR PERKHIDMATAN**

### **PELANCONGAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

58. Fokus Kerajaan Negeri untuk menjadikan pelancongan sebagai salah satu pemacu sektor perkhidmatan mencatatkan perkembangan yang positif. Data Jabatan Perangkaan Malaysia dan Tourism Malaysia, menunjukkan peningkatan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa. Jumlah ketibaan pelancong luar Negara meningkat hampir 9% pada tahun 2018 iaitu seramai 291,253 orang. Jumlah ini dijangka meningkat dengan bermulanya penerbangan Kuala Lumpur-Ipoh-Guang Zhou.
59. Mengambil manfaat daripada Tahun Melawat Malaysia 2020, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM16.4 juta** bagi

merancakkan lagi sektor pelancongan Perak. Daripada jumlah tersebut:

- (i) **RM7.2 juta** untuk aktiviti promosi, penganjuran acara, projek pembangunan dan kos pengurusan **Tourism Perak**;
- (ii) **RM2.0 juta Pelancongan Sukan**;
- (iii) **RM3.5 juta** untuk pembangunan dan pengurusan **Perbadanan Taman Negeri Perak**;
- (iv) **RM0.8 juta** untuk pembangunan Kawasan **Geopark**;
- (v) **RM1.0 juta** untuk **Pengurusan Bukit Larut**;
- (vi) **RM1.3 juta** diperuntukkan bagi aktiviti **People of Remarkable Talent (PORT)**; dan
- (vii) **RM0.6 juta** bagi aktiviti **Majlis Kebudayaan Negeri**.

60. Seiring dengan perkembangan ekonomi digital dalam sektor pelancongan, tumpuan diberikan kepada penggunaan aplikasi digital seperti aplikasi pelancongan, peta dan e-wallet. Kempen promosi menerusi saluran media sosial akan dilebarkan kepada platform Weibo dan Wechat untuk menarik pelancong dari China.

## **PULAU BEBAS CUKAI**

61. Sejajar dengan pengumuman Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai, Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan projek-projek pembangunan di Pulau Pangkor, antaranya peruntukan RM2.2 juta bagi menaiktaraf Galeri dan Dataran Nelayan Pangkor di Sungai Pinang Besar, Pulau Pangkor.

62. Bagi memacu inisiatif **Pulau Bebas Cukai (PBC) Pangkor**, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM4.5 juta** dalam Belanjawan 2020 untuk pelaksanaan empat komponen utama iaitu:
- (i) Pengurusan PBC Pangkor RM1.5 juta;
  - (ii) Pembangunan modal insan dan peningkatan kapasiti penduduk tempatan RM1.0 juta;
  - (iii) Pembangunan teknologi digital dan komunikasi RM1.0 juta; dan
  - (iv) Kerja-kerja awalan bagi projek fizikal RM1.0 juta.
63. Selain peranan kerajaan dalam memacu pembangunan, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan penglibatan pihak swasta dan korporat untuk bersama-sama membangunkan Pulau Bebas Cukai ini, khususnya untuk membangunkan kapasiti dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

## **PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN PERNIAGAAN DI PINTU SEMPADAN PENGKALAN HULU**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

64. Pembangunan yang dirancang di kawasan **Pintu Sempadan Pengkalan Hulu – Betong** akan berpaksikan kepada Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 melalui strategi memperkuatkannya Pengkalan Hulu sebagai Gerbang Antarabangsa dengan mewujudkan *Border Town* di kawasan tersebut. Untuk itu, RM1.5 juta diperuntukkan bagi menyusun semula gerai-gerai sedia ada dan menambahbaik kemudahan

infrastruktur. Inisiatif ini sebagai persediaan limpahan kegiatan ekonomi setempat selari dengan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Betong, Thailand yang dijangka siap dan mula digunakan pada tahun 2020.

## **PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

65. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM52.9 juta** kepada sektor pertanian untuk tahun 2020. Bagi Jabatan Pertanian, **RM29.5 juta** merangkumi **perbelanjaan mengurus RM24.5 juta** dan **perbelanjaan pembangunan RM5.0 juta**.
66. Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada aktiviti pertanian sepanjang jajaran Sungai Perak seperti berikut:
  - (i) Insentif Pembangunan Tanaman Padi RM0.8 juta;
  - (ii) Insentif Pembangunan Tanaman Kelapa dan Komoditi Berpotensi RM0.5 juta;
  - (iii) Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan RM0.5 juta.
67. Bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah supaya Kerajaan Negeri menekankan aspek *food security* negara, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) akan membuka Perak Agro Valley di Bukit Sapi, Mukim Lenggong

seluas 4,901 ekar. Pembangunan Projek ini juga adalah seiring dengan penekanan dan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara dalam mempertahankan kedaulatan makanan sebagai asas kekuatan Negara.

68. Adalah dijangka, Perak Agro Valley yang berkonsepkan Pertanian Integrasi melibatkan tanaman kontan, sayur-sayuran, dusun buah-buahan dan penternakan kambing, lembu serta rusa mampu menarik pelaburan RM1.4 bilion. Projek ini akan melahirkan agropreneur di kalangan anak muda dan akan dimulakan dengan 200 peserta tempatan dari kumpulan B40.
69. **RM21.3 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.** Daripada jumlah itu, **RM16.3 juta** bagi tujuan operasi dan pengurusan serta **RM5.0 juta** diperuntukkan bagi tujuan pembangunan. Antara program yang telah dirancang adalah Pembangunan Industri Ternakan di Daerah Perak Tengah. Ia dijangka memberi manfaat kepada 355 orang penternak tempatan dan isi rumah dari golongan belia, B40 dan penduduk luar bandar.
70. Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **RM2.1 juta** kepada **Jabatan Perikanan** di mana RM1.15 juta dikhkususkan untuk menaik taraf Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Segari yang akan memberi keselesaan kepada hampir 20 ribu pengunjung setahun. Selain itu, RM0.6 juta akan dibelanjakan untuk membina tiga buah jeti nelayan di daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Hilir Perak.

## **KEUSAHAWANAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

71. Bagi memperkasa bidang keusahawanan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM5.9 juta**. Daripada jumlah itu, RM0.5 juta dikhkususkan untuk **Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Perak (SUPER)** bagi melaksanakan program-program berimpak tinggi dan berfokus seperti *entrepreneur coaching* dan *hand holding* bagi membantu usahawan-usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
72. Bagi mengoptimumkan impak **Tabung Usahawan** berjumlah **RM5.0 juta**, proses agihan pinjaman tersebut akan dikaji semula. Kerajaan Negeri bercadang menjalinkan kerjasama dengan institusi pinjaman kewangan terpilih untuk menambah baik proses pengurusan dan agihan.
73. Kerajaan Negeri mencadangkan 50% daripada jumlah Tabung ini dikhkususkan untuk membina kapasiti usahawan sedia ada dan 30% lagi adalah bagi pembiayaan permulaan modal perniagaan. Manakala baki 20% diperuntukkan bagi program mendayaupayakan penerima Kad Perak Prihatin terpilih yang berpotensi untuk menceburi bidang perniagaan.
74. Selain itu, **RM0.4 juta** pula akan dimanfaatkan dengan mengetengahkan usahawan-usahawan yang mempunyai kapasiti dan berpotensi melalui penyertaan ke program-program promosi, *showcase* dan ekspo yang strategik. Ini merupakan usaha Kerajaan

Negeri membantu usahawan memperluas pasaran di peringkat domestik dan antarabangsa.

## **FOKUS KEDUA: KEADILAN SOSIAL, KESEJAHTERAAN RAKYAT SERTA KELESTARIAN SUMBER DAN ALAM SEKITAR**

### **KEBAJIKAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

75. Bagi menambah baik jaringan keselamatan sosial, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan **RM71.3 juta** untuk membela golongan sasar.
76. Peruntukan untuk **Kad Perak Prihatin** dinaikkan daripada RM22.0 juta kepada **RM25.2 juta** dengan penambahan jumlah penerima dari 17,000 kepada 20,000 isirumah.
77. Peruntukan untuk **Program Kotak Harapan** dinaikkan daripada RM1.0 juta kepada **RM4.0 juta** bersamaan 78,400 kotak untuk tahun 2020.
78. Peruntukan **RM5.0 juta** untuk program bantuan baik pulih dan bina baru rumah secara percuma bagi golongan sasar akan diteruskan di bawah **Program Sayangi RumahKu**.
79. Program kebajikan sedia ada untuk golongan sasar juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM37.1 juta** melibatkan agihan berikut:

- (i) **RM33.9 juta Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat;**
- (ii) **RM2.0 juta khusus kepada Program Pembangunan Wanita Dan Kebajikan;**
- (iii) **RM1.0 juta kepada Pusat Jagaan Anak Yatim berdaftar; dan**
- (iv) **RM0.2 juta Bantuan Pusat Jagaan Warga Tua berdaftar.**

## **PERUMAHAN MAMPU MILIK**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

- 80. Kerajaan Negeri telah melakukan penambahbaikan kepada Dasar Perumahan Negeri Perak (DPNP). DPNP 2019 akan dijadikan panduan dan mekanisme kawalan bagi Kerajaan Negeri Perak untuk membangunkan perumahan secara lebih sistematik, berkualiti, selesa dan mesra milik.
- 81. Bagi mencapai sasaran membina 50 ribu unit rumah kos rendah dan sederhana dalam tempoh lima tahun, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan insentif berikut:
  - (i) Pengecualian fi bagi pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana sama ada rumah bertanah atau berbilang tingkat;
  - (ii) Insentif bayaran premium RM100 seunit bagi setiap unit kos rendah dan RM1,000 seunit bagi setiap unit kos sederhana yang dibangunkan;
  - (iii) Caj pemajuan 5% khusus untuk pembangunan rumah kos rendah dan kos sederhana; dan

- (iv) Pengecualian caj sumbangan saliran bagi keluasan tanah di dalam kawasan skim yang dibangunkan dengan rumah kos rendah dan kos sederhana.
82. Jentera perancangan dan pembangunan perumahan Negeri Perak, **Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak** (LPHP) akan menerima **RM16.0 juta** untuk tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, RM6.0 juta disediakan bagi kos operasi dan pengurusan manakala RM10.0 juta peruntukan pembangunan bagi pembinaan projek-projek perumahan kos rendah dan sederhana di Negeri ini.

## **MEMBELA MASYARAKAT ORANG ASLI**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

83. Bagi memperkasa pendidikan di kalangan anak-anak Orang Asli, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.5 juta** untuk pelbagai program akademik dan motivasi.
84. Program **Community Feeding (PCF)** yang telah berjaya menurunkan kadar kematian kanak-kanak Orang Asli berumur antara 6 hingga 12 tahun, akan ditingkatkan 100% kepada **RM1.0 juta** melalui Jabatan Kesihatan Negeri. Peruntukan ini adalah sebahagian daripada peruntukan di bawah **Program Aktiviti Orang Asli** sebanyak **RM2.0 juta**.

## INSTITUSI AGAMA

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

85. Bagi memperkasakan syiar Islam di Negeri Perak, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM153.1 juta**:
  - a. **RM10.0 juta** untuk **membina baru serta menaik taraf masjid dan surau sedia ada**;
  - b. RM118.2 juta kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) merangkumi kos **pengurusan RM98.2 juta** dan perbelanjaan **pembangunan RM20.0 juta**;
  - c. Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri memperkenalkan **Program Bantuan Umrah dengan peruntukan RM5.0 juta** yang akan memberi manfaat kepada 1,000 orang asnaf; dan
  - d. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan **Program Bantuan Wang Saku kepada 3,000 orang Jemaah Haji Muassasah** dari Negeri Perak berjumlah **RM1.5 juta**.
86. Bagi program pengindahan 25 masjid-masjid terpilih, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan inisiatif baru iaitu Bantuan Pengurusan Masjid. Inisiatif ini melibatkan peruntukan RM0.5 juta yang diselaraskan oleh JAIPk.
87. Bagi menambah baik pengurusan dan penguatkuasaan berkaitan produk halal, JAIPk menukuuhkan **Bahagian Pengurusan Halal** yang akan beroperasi sepenuhnya bermula tahun 2020 kelak dengan kos pengurusan dan operasi sebanyak **RM0.7 juta**.

88. Untuk memastikan para pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) mendapat nutrisi yang seimbang, kadar bantuan makanan ditingkatkan daripada RM12.00 sehari kepada RM20.00 sehari.
89. Bagi menggalakkan pembudayaan ilmu di kalangan warga emas, RM0.1 juta diperuntukkan bagi Operasi pondok Warga Emas mulai tahun 2020.
90. **RM18.0 juta** disediakan untuk **pembinaan Kompleks Jabatan Agama Islam Negeri** di Meru dan **Pejabat Agama Daerah Manjung**.
91. **RM1.0 juta** untuk **penyelenggaraan enam buah masjid utama Negeri** iaitu Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Muhibbuddin Shah, Masjid Sultan Azlan Shah, Masjid Ubudiah, Masjid Al Badr (Seribu Selawat); dan Masjid Toh Puan Hatijah.
92. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM3.7 juta** bagi kos operasi Jabatan Mufti. Peruntukan yang disediakan ini meliputi kenaikan kadar elauun Jawatankuasa Fatwa serta pelbagai aktiviti Jabatan yang akan membantu meningkatkan syiar Islam di Negeri Darul Ridzuan ini.
93. Kepada **Jabatan Kehakiman Syariah**, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM10.7 juta** bagi kos operasi Jabatan dan **RM2.0 juta** untuk pembangunan. Menginsafi tanggung jawab berat yang dipikul oleh Hakim Mahkamah Utama dalam memutuskan sesuatu isu, Kerajaan Negeri bersetuju membayar *seating*

*allowance* kepada Hakim-hakim Mahkamah Utama sebagai tanda penghargaan di atas ilmu dan pengalaman yang dimiliki oleh para hakim ini.

94. Bagi memperkasakan **Jabatan Pendakwaan Syariah**, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM2.0 juta** untuk kos operasi dan pertambahan 7 jawatan baru.

## **HAL EHWAL BUKAN ISLAM**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

95. Sebagai Kerajaan Negeri yang cakna kepada masyarakat pelbagai agama, **RM10.0 juta** diperuntukkan bagi membina baru, menambah baik atau menyelenggara **rumah ibadat bukan Islam** dan aktiviti **Hal Ehwal Bukan Islam**.

## **SOSIAL**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

96. Bagi meneruskan agenda membela rakyat dan menyokong badan-badan bukan Kerajaan, RM9.0 juta diperuntukkan untuk tujuan berikut:
  - (i) Bantuan Khairat Kematian **Takaful Tabaruk** dinaikkan daripada RM2.0 juta kepada **RM3.0 juta**;
  - (ii) **RM3.0 juta untuk NGO**;
  - (iii) **RM0.3 juta untuk RELA**;
  - (iv) **RM0.5 juta untuk program perpaduan**;

- (v) **RM0.5 juta untuk program kesihatan;**
  - (vi) **RM0.5 juta untuk program sumber manusia;**
  - (vii) **RM0.2 juta bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan hal ehwal pengguna; dan**
  - (viii) **RM1.0 juta merangkumi program-program kesedaran dan menangani isu dadah dan pencegahan jenayah.**
97. Bagi menambah nilai jaringan keselamatan sosial sedia ada, Kerajaan Negeri akan menubuhkan **Institusi Pembangunan Sosial** dengan peruntukan **RM0.5 juta**. Penubuhan institusi ini merupakan satu inisiatif kesinambungan program-program kebajikan, pembangunan wanita dan kesejahteraan sosial kepada rakyat Negeri Perak yang memberikan impak yang tinggi dalam kalangan rakyat khususnya kepada kumpulan sasar.
98. Institusi ini juga akan berperanan sebagai penghubung di antara badan-badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR).

## **PERHUTANAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

99. Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak **RM43.1 juta** untuk **kelestarian sumber dan alam sekitar**. Daripada jumlah itu, **RM37.9 juta** adalah untuk kos pengurusan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak** manakala **RM5.0 juta lagi** untuk perbelanjaan pembangunan.

100. Kerajaan Negeri bercadang untuk menswastakan operasi Taman Eko Rimba terpilih bagi memastikan produk ini dapat diberi nilai tambah dan mengurangkan kos penyelenggaraan, penyediaan kemudahan dan penjagaan kebersihan yang ditanggung oleh pihak Jabatan. Oleh itu, bebanan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan membangun dan mengurus dapat diminimumkan pada masa akan datang.
101. Buat pertama kali Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM0.2 juta bagi pelaksanaan **Program Khas Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar.**

### **FOKUS KETIGA : PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN**

#### **PENDIDIKAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

102. Umum mengetahui bahawa pendidikan merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, Kerajaan Negeri amat menitik beratkan hal pendidikan anak-anak Perak. **RM67.1 juta** diperuntukkan untuk **pembangunan pendidikan** bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, **RM38.6 juta** disediakan sebagai **dana pendidikan** dan **RM28.5 juta** pula untuk **penyediaan infrastruktur pendidikan.**

103. **RM0.6 juta** diperuntukkan bagi **Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN)** kepada bayi kelahiran Negeri Perak dari

keluarga yang berpendapatan RM5 ribu dan ke bawah sebulan dengan sasaran penerima manfaat adalah seramai 3 ribu orang.

104. Kerajaan Negeri meneruskan **Biasiswa Menteri Besar Perak** dengan memperuntukkan **RM2.0 juta** untuk tahun 2020.

105. Bantuan pendidikan mengikut per kapita pelajar telah diperkenalkan pada awal tahun ini. Untuk itu, agihan peruntukan tahun 2020 seperti berikut:

- (i) **Sekolah Tahfiz dan Sekolah Pondok Swasta yang berdaftar** dengan Jabatan Agama Islam Perak **RM2.0 juta**;
- (ii) **Murid Berkeperluan Khas** dengan peruntukan sebanyak **RM1.4 juta**; dan
- (iii) **Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil** **RM4.2 juta**.

106. Caruman kepada **Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu dan Bukan Melayu** bagi tujuan pinjaman pendidikan Negeri dengan peruntukan **RM4.0 juta**.

107. **Dermasiswa Harapan** dengan peruntukan **RM10.0 juta** disediakan merangkumi RM8.0 juta bagi pendidikan dalam negara dan RM2.0 juta bagi luar negara.

108. Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM3.0 juta** bagi **Kemahiran Teknik Dan Vokasional (TVET)**.

**109. RM1.0 juta dikhususkan untuk Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa Anak Perak.**

**110. RM0.4 juta bagi Program Pengupayaan Mahasiswa Negeri Perak** di Malaysia, Mesir dan Jordan.

111. Kita amat berbangga dengan pelbagai pencapaian oleh pengurusan **Universiti Sultan Azlan Shah**. Setelah mendapat bantuan dari Kerajaan Negeri semenjak penubuhannya, kini, Universiti Sultan Azlan Shah telah berjaya mencatatkan keuntungan. Namun, kerajaan berpandangan, bantuan geran mengurus harus diteruskan. Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak **RM8.0 juta** disediakan untuk tahun 2020.

112. Bantuan **Kelab Guru dan PIBG ditingkatkan** kepada **RM2.0 juta** daripada RM1.20 juta pada tahun 2019. Peningkatan sebanyak 67% ini bertujuan untuk menggalakkan komitmen para pendidik dan ibu bapa dalam memajukan pendidikan anak-anak.

113. Bagi penyediaan infrastruktur pendidikan, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM28.5 juta** melibatkan:

(i) pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Lenggong, Batang Padang, Tambun dan Sungai Manik **RM22.2 juta** termasuk pembinaan jalan masuk utama;

(ii) **RM3.3 juta** bagi membantu pusat-pusat Tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak dari segi menambah baik kemudahan infrastruktur dan keselamatan sebagai usaha

mengelak dari kejadian yang tidak diingini berlaku kepada anak-anak tahfiz; dan

- (iii) **Bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat** tetap diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta**.

## **BELIA DAN SUKAN**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

114. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah **RM21.4 juta bagi pengurusan dan pembangunan sukan** di Negeri Perak Darul Ridzuan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebahagian besar daripada jumlah tersebut, iaitu **RM9.4 juta untuk kos operasi dan pengurusan** atlet **Majlis Sukan Negeri (MSN)**.

115. Bagi memastikan persiapan rapi dibuat untuk menghadapi **SUKMA 2020**, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta**.

116. Tambahan **RM0.4 juta** disediakan bagi tujuan pembayaran elau jurulatih sepenuh masa serta pembelian ubat-ubatan, vitamin dan makanan kesihatan kepada para atlet.

117. Untuk meneruskan momentum kejayaan penganjuran *e-sport Professional Industry Conference (EPIC) 2019*, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM1.0 juta** kepada pembangunan **E-sports**. Manakala bagi program sukan lain pula, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berikut:

- (i) **Program Sukan Massa RM1.3 juta;** dan
- (ii) **Sukan untuk Orang Kelainan Upaya RM0.5 juta.**

118. Bagi memperkasakan pembangunan golongan belia, Kerajaan Negeri memperuntukkan:

- (i) **RM3.0 juta untuk Pembangunan Generasi Muda;**
- (ii) **RM2.5 juta untuk Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK);**
- (iii) **RM0.5 juta untuk Majlis Perundingan Belia;** dan
- (iv) **RM0.2 juta untuk Program Akademi Rakyat.**

#### **FOKUS KEEMPAT: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SERTA MEMUPUK TANGGUNG JAWAB BERSAMA.**

##### **TADBIR URUS**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

119. Tidak dinafikan, Pejabat-pejabat Daerah memainkan peranan yang amat penting dalam mentadbir daerah masing-masing. Justeru itu, **RM101.80 juta** diperuntukkan bagi tujuan **mengurus dan operasi** 12 Pejabat Daerah Besar dan 6 Pejabat Daerah Kecil. Peruntukan yang disediakan ini bertujuan untuk melancarkan urusan penyampaian perkhidmatan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Bagi pembangunan luar bandar, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM7.2 juta kepada 12 Daerah Besar dan RM1.2 juta kepada Daerah Kecil menjadikan jumlah keseluruhan di bawah peruntukan ini adalah **RM8.4 juta.**

120. Kerajaan Negeri turut menyediakan suntikan dana kepada agensi-agensi berikut:

- (i) **RM2.8 juta** kepada Invest Perak;
- (ii) **RM2.5 juta** untuk Digital Perak; dan
- (iii) **RM3.1 juta** untuk Institut Darul Ridzuan.

121. Peruntukan **RM1.5 juta** disediakan bagi program **Sekretariat Penerangan Negeri** bagi tujuan hebahan dasar dan inisiatif Kerajaan Negeri.

122. **RM5.4 juta** diperuntukkan untuk **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** bagi Kampung Tradisional, Kampung Baru dan Kampung India bagi tujuan pembayaran elaun, operasi dan aktiviti.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

123. Sesebuah Kerajaan tidak mampu melaksanakan dasar-dasar yang dirancang tanpa sokongan dan dokongan para penjawat awam. Justeru, Pentadbiran ini amat menitik beratkan perihal kesejahteraan para penjawat awam Negeri Perak.

124. Bagi memberi keselesaan kepada penjawat awam di Daerah Muallim, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM20.0 juta** bagi bayaran akhir untuk menyiapkan **100 unit kuarters**.

125. Sebagai sokongan kepada sistem penyampaian Kerajaan Negeri dalam era digital, **RM6.7 juta** diperuntukkan bagi maksud tersebut:

- (i) **RM4.3 juta** untuk Jaringan internet jabatan negeri;
- (ii) **RM1.4 juta** untuk Projek pembangunan ICT; serta

(iii) **RM1.0 juta** untuk Pengkomputeran dan telekomunikasi Jabatan.

126. Semasa pembentangan Belanjawan Kerajaan Persekutuan pada 11 Oktober yang lalu, antara intipati yang melibatkan penjawat awam adalah tuntutan Gantian Cuti Rehat (GCR) 75 hari bagi penjawat awam. Selain itu, penjawat awam dari kumpulan pelaksana akan menerima pertambahan RM50 sebulan bagi elauan Bantuan Sara Hidup bermula Januari 2020. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri memastikan penjawat awam Negeri Perak turut menerima kemudahan yang sama. Peruntukan **RM6.1 juta** disediakan bagi kedua-dua tujuan di atas dengan agihan **RM1.9 juta** untuk **tuntutan GCR** dan **RM4.2 juta** untuk **pertambahan Bantuan Sara Hidup**.

127. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.0 juta** bagi menggalakkan penjawat awam meningkatkan tahap pendidikan di bawah skim **Hadiah Latihan Negeri**.

128. Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan **RM0.1 juta** sebagai insentif menunaikan umrah bagi penjawat awam yang beragama Islam dan lawatan ke luar negara bagi yang bukan beragama Islam.

129. Sebagai Kerajaan yang prihatin, **RM5.0 juta** disediakan bagi pembayaran **perubatan penjawat awam** Negeri di klinik dan hospital Kerajaan, yang tidak lagi dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

130.Bagi mengenang jasa bakti para pesara, **Insentif khas** sebanyak **RM2.0** juta diteruskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

*Sayup tinggi mencecah awan,  
Menjulang tinggi pohon kelapa,  
RM500 Kerajaan Persekutuan umumkan,  
Kerajaan Negeri nak isytihar berapa?*

131.Kerajaan dan pelaksana adalah ibarat aur dengan tebing, saling memerlukan dan saling melengkapi. Menghargai komitmen semua pihak dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi yang sentiasa diberikan oleh penjawat awam Negeri, dengan ini Kerajaan Negeri mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan sebulan gaji atau minimum RM2 ribu** kepada semua penjawat awam Negeri dan Orang Besar Jajahan (OBJ), yang akan **dibayar sepenuhnya sebelum berakhir tahun 2019**.

132.Bantuan Khas Kewangan **RM1 ribu** turut dipanjangkan kepada Guru Sandaran Tidak Terlatih, Pekerja Sambilan Harian, Guru Tadika Islam JAIPk, Imam, Bilal, Siak, Ketua Kampung serta Tok Batin.

## **PENUTUP**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

- 133.Kerajaan Negeri sentiasa komited dan berusaha untuk memastikan pembangunan Negeri diteruskan tanpa menjaskan bantuan dan keperluan rakyat. Pelbagai penambahbaikan dan program baru akan terus dilaksanakan demi kebaikan rakyat Negeri Perak.
- 134.Kerajaan Pakatan Harapan menghargai kepercayaan yang diberikan oleh rakyat dalam mengemudikan Negeri tercinta ini. Kerajaan Negeri percaya amalan perbelanjaan berhemah, tadbir urus yang lebih baik dan perolehan yang lebih telus, mampu melonjakkan pentadbiran Kerajaan Negeri ke tahap yang lebih tinggi.
- 135.Melalui penyediaan Belanjawan 2020, Kerajaan Negeri berusaha menyediakan bantuan dan peruntukan kepada semua golongan yang memerlukan tanpa melupakan aspek-aspek penambahbaikan kepada semua pihak yang berkepentingan, demi menjadikan ekonomi Negeri lebih dinamik, berkembang dan akhirnya bermatlamat untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

*Lain padang lain belalang,*

*Anak harimau di tengah laman,*

*Dari Allah kita datang,*

*Kepada Allah jua diserahkan semua urusan.*

Semoga semua perancangan yang dibuat demi kebaikan dan manfaat rakyat Negeri Perak akan dipermudahkan oleh Allah jua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Saya mohon mencadang.